

**Tuanku Muhriz Berangkat Lawat Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air
Bernama
12 April , 2012**

PUTRAJAYA, 12 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir berangkat melawat Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) di sini Khamis.

Ketibaan baginda kira-kira pukul tiga petang yang diiringi Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud disambut oleh menteri berkenaan Datuk Seri Peter Chin Fah Kui, timbalannya Datuk Noriah Kasnon dan Ketua Setiausaha kementerian Datuk Loo Took Gee.

Selain mendengar ucapan daripada Chin serta taklimat mengenai KeTTHA yang disampaikan oleh Loo, Tuanku Muhriz yang meluangkan masa kira-kira dua jam di kementerian itu turut berkenan melawat gerai pameran mengenai KeTTHA.

Chin dalam ucapannya berkata pihaknya berbangga dengan lawatan berkenaan kerana ia adalah lawatan Diraja pertama yang diterima kementerian sejak ia berpindah ke Putrajaya.

Beliau berkata lawatan itu menunjukkan Tuanku Muhriz berminat untuk mengetahui peranan dan tanggungjawab kementerian sebagai peneraju pembangunan mapan industri tenaga dan air negara serta teknologi hijau.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658709>